

03 APRIL 2018

Ketua bahagian parti positif dadah ditahan

Kuala Lumpur

Ketua bahagian parti positif dadah ditahan

Seorang Ketua Bahagian sebuah parti politik ber gelar Datuk ditahan dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Jalan Imbi di sini, selepas didapati positif dadah.

Serbuan dilakukan jam 2 pagi semalam oleh se pasukan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan maklumat aktiviti hiburan tanpa lesen membabitkan pusat hiburan berkenaan.

Hasil pemeriksaan dalam bilik bernombor 202, polis menahan lapan lelaki dan dua wanita tempatan serta dua wanita warga Indonesia dipercaya pelanggan pusat hiburan berkenaan.

Semua mereka diarah menjalani ujian saringan air kencing.

Menurut sumber, pemimpin parti politik ber usia lewat 40-an itu bagaimanapun didapati positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.